

**SOALAN NO. 32****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau]**

**TARIKH : 25 Julai 2017 (Selasa)**

**SOALAN : 32**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

ekoran daripada pergolakan di Marawi, Filipina, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan (ESSCOM) untuk memastikan agar penjenayah daripada negara Filipina tidak dapat masuk ke negeri Sabah dan kedaulatan negara terpelihara.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pergolakan di Marawi City, Filipina telah tercetus sejak 23 Mei 2017 dan kerajaan Filipina telah mengisytiharkan "Martial Law" di seluruh kawasan Mindanao termasuk Kepulauan Sulu. Sehingga kini dan menurut pihak keselamatan Filipina ; seramai 411 orang dari kumpulan militan, 97 anggota Pasukan Keselamatan Filipina dan 45 orang awam (penduduk) telah mati terbunuh.

Di samping itu, seramai lebih dari 300,00 orang penduduk di Marawi City telah meninggalkan bandar tersebut. Pergolakan masih berterusan dan dianggarkan masih terdaoat seramai lebih kurang 60 orang militan yang masih diburu.

Sehubungan dengan pergolakan yang berlaku di Marawi City, Kerajaan khususnya ESSCOM telah mengambil tindakan berikut :

1. Mempertingkatkan kawalan di perairan sempadan dengan rondaan intensif dan juga mengadakan "coordinated patrolling" dengan pasukan keselamatan Filipina.
2. Mempertingkatkan pemantauan dan pemeriksaan di kawasan-kawasan disyaki tempat pendaratan Pendatang Tanpa Izin di ESSZONE dengan mengadakan Operasi Bersepadu.
3. Mempertingkatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk dan keluar yang diwartakan seperti Lapangan Terbang dan Pelabuhan di ESSZONE.

Setakat ini, **TIADA TANGKAPAN** terhadap mana-mana orang yang disyaki penjenayah dari Selatan Filipina khususnya militan dari Marawi City, Filipina dan **tiada sebarang ancaman keselamatan disana.**

Sekian, terima kasih.